

PM masih teliti hasrat Liong Sik letak jawatan

PUTRAJAYA 11 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau perlu memikirkan dengan teliti permohonan Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik untuk meletak jawatan kerana kedudukan Menteri Pengangkutan begitu penting dalam kerajaan.

Justeru menurut Dr. Mahathir, beliau akan membuat keputusan berhubung pengunduran Liong Sik dari Kabinet pada masa yang difikirkannya sesuai mengikut kepentingan kerajaan.

"Ini kerana menggantikan seorang menteri dalam kedudukan yang sangat penting adalah amat sukar. Saya perlu memikirkannya dengan begitu berhati-hati," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kehadiran 84 pengakap dari

United Kingdom di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas spekulasi yang semakin hangat berhubung hasrat Liong Sik untuk berundur daripada jawatan Kabinet seperti disampaikan melalui sepucuk surat kepada Perdana Menteri bertarikh 15 Ogos lepas.

Hasrat Liong Sik itu diumumkan oleh Dr. Mahathir dalam mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bulan lalu.

Perdana Menteri bagaimanapun sehingga kini belum memutuskan sama ada menerima atau menolak permohonan peletakan jawatan tanpa tarikh kuat kuasa itu.

Ditanya sama ada beliau sudah menerima cadangan calon pengganti Liong Sik daripada MCA, Perdana Menteri berkata: "Tidak. Tak ada calon."